

PROGRAM SEMBANG GETAH

DI WARUNG ERATKAN HUBUNGAN LGM DAN PEKEBUN KECIL

Latarbelakang

Program Sembang Getah di Warung yang diperkenalkan bermula September 2014 oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) dianjurkan bertepatan dengan agenda transformasi negara yang sentiasa meletakkan rakyat di hadapan seiring dengan slogan transformasi negara “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Program ini juga merupakan salah satu program turun padang sebagai medium interaksi santai antara pihak Pengurusan Tertinggi LGM dan pekebun kecil dan pelesen getah seluruh negara yang menekankan konsep santai dan terbuka bagi menggalakan perbincangan dua hala yang selesa bagi pihak berkepentingan untuk menyuarakan segala pendapat dan permasalahan.

Objektif

Objektif utama program ini adalah untuk membuka medan interaksi secara terus untuk berbincang isu-isu semasa, bertukar pendapat dan berkongsi cadangan penambahbaikan dalam hal-hal dalam industri getah. Lokasi program dipilih berdasarkan kepada lokasi kebiasaan di mana pekebun kecil dan pelesen getah berehat untuk memberi keselesaan kepada mereka berinteraksi bersama barisan pengurusan tertinggi LGM tanpa bimbang akan protokol yang perlu dijaga. Selain itu, program ini juga dapat memberi pendedahan kepada pihak-pihak berkepentingan mengenai isu-isu terkini dalam industri getah serta meningkatkan kesefahaman di antara pihak berkepentingan dan LGM.

Impak

Program ini dilihat dapat membuka peluang kepada pihak berkepentingan untuk mendapat maklumat terkini mengenai strategi jangka pendek, pertengahan dan panjang LGM dan Kementerian. LGM juga akan mendapat maklumat daripada akar umbi yang dilihat boleh membantu dalam penggubalan polisi dan dasar untuk kepentingan industri getah

Memandangkan persepsi dan imej begitu penting sekali bagi setiap organisasi, program ini juga dapat membantu dari segi melonjakkan imej LGM sebagai organisasi yang sentiasa dekat dan mengambil serius kebajikan pihak berkepentingan. Ini sangat jelas dan dapat dilihat di mana pihak pengurusan

tertinggi dan pegawai-pegawai LGM turun padang dan meluangkan masa hampir tiga jam di setiap lokasi dan mendengar segala permasalahan yang diajukan oleh pekebun kecil dan pelesen getah. Dengan perbincangan yang diadakan bersama, segala isu dan permasalahan diambil perhatian dan tindakan segera telah diambil terhadap perkara-perakara yang dibangkitkan oleh mereka.

Sejak diperkenalkan, program ini telah diadakan sebanyak 15 kali di seluruh negara.

Program-program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Lokasi
2014		
1	22 September 2014	Kg Chin Chin, Jasin, Melaka
2	27 Oktober 2014	Simpang Pertang, Jelebu
2015		
3	22 Mac 2015	Bukit Selambau, Sg Petani, Kedah
4	22 April 2015	Kg Bukit Tandak, Rantau Panjang, Kelantan
5	23 April 2015	Kg Kuala Ping, Hulu Terengganu, Terengganu
6	27 April 2015	Bukit Ibam, Pahang
7	7 September 2015	Kampung Padang Sanai, Kuala Nerang kedah
8	22 Oktober 2015	Padang Terap, Kedah
9	11 Januari 2016	Alor Gajah, Melaka
10	3 Februari 2016	Lenggong, Perak
11	4 Februari 2016	Ulu Bernam, Selangor
12	22 Februari 2016	Keningau, Sabah
13	25 Februari 2016	Kg Assam Jawa, Baling, Kedah
14	4 Mac 2016	Semenyih, Selangor
15	13 Mac 2016	Marang, Terengganu

Isu-isu dalam industri getah yang dibincangkan

Secara keseluruhannya, telah banyak isu dan permasalahan yang telah diutarakan. Kebanyakan soalan yang diutarakan adalah berkenaan kejatuhan harga getah dan tindakan LGM selanjutnya dalam menangani isu harga getah yang membelenggu rata-rata semua pekebun kecil getah. Selain itu, pekebun kecil juga bertanyakan mengenai inovasi-inovasi yang dihasilkan oleh LGM yang boleh diguna pakai untuk meningkatkan produktiviti tanaman getah.

Selain itu, pihak LGM juga menerima cadangan daripada pekebun kecil untuk meningkatkan kadar harga aktif IPG iaitu yang pada mulanya ditetapkan pada kadar RM 4.60 kepada tahap yang lebih selesa. Melalui maklum balas daripada pekebun kecil LGM telah memaklumkan kepada pihak kementerian untuk mempertimbangkan semula kadar harga aktif IPG. Terkini, kadar harga aktif diletakkan pada paras RM 5.50 FOB atau RM 2.20 bagi harga di ladang.

Inovasi Program Sembang Getah di Warung

Kebiasaannya agenda program hanyalah memberi laluan kepada pekebun kecil untuk menyuarakan pendapat dan isu. Namun, pada Mac 2016, agenda program telah ditambah iaitu pameran kualiti getah melalui Unit Dasar Pelesenan dan Permit (UDPP) turut diadakan. Kaunter pembuatan kad PAT-G. dan penghantaran tuntutan IPG juga dibuka bagi memudahkan pekebun kecil.

Kesimpulan

Program Sembang Getah di Warung merupakan platform terbaik buat Pengurusan Tertinggi LGM untuk bertemu sendiri dengan pihak berkepentingan dalam industri getah. Hubungan baik bersama pekebun kecil adalah sangat penting kerana mereka merupakan tulang belakang industri getah negara. Hubungan yang erat dapat memudahkan komunikasi dan kerjasama antara kedua-dua pihak dari semasa ke semasa. Maklumat terkini daripada akar umbi juga dapat dikumpulkan melalui program yang telah diadakan.

Selain itu, penyertaan daripada pihak agensi juga dapat membantu LGM dalam menyampaikan maklumat terkini dan berbincang secara terus segala permasalahan yang timbul dalam industri getah. Program Sembang Getah di Warung dapat dilaksanakan dengan baik di atas kerjasama antara LGM ibu pejabat, wilayah dan negeri-negeri.



NUR ATIKAH HJ MAZLAN
Unit Komunikasi Korporat
atikah@lgm.gov.my

